

ARIMIDEX[®] TABLET 1MG

Anastrozole 1mg

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Arimidex
2. Bagaimana Arimidex berfungsi
3. Sebelum menggunakan Arimidex
4. Cara menggunakan Arimidex
5. Semasa menggunakan Arimidex
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Arimidex
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor Siri

Apakah kegunaan Arimidex

Arimidex digunakan untuk merawat kanser payudara pada wanita yang sudah putus haid.

Bagaimana Arimidex berfungsi

Arimidex tergolong dengan kumpulan ubat perencat *aromatase*. Ini bermakna Arimidex mengganggu beberapa tindakan *aromatase*, iaitu enzim di dalam badan yang mempengaruhi aras hormon seks wanita yang tertentu seperti estrogen.

Sebelum menggunakan Arimidex

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Arimidex

- jika anda hamil atau sedang menyusukan anak.
- jika anda alah terhadap *anastrozole* atau mana-mana bahan lain di dalam Arimidex yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

- Sebelum mula menggunakan Arimidex

Berhati-hati apabila menggunakan Arimidex.

- jika anda mengalami gangguan atau menghidap penyakit yang menjejaskan jantung, hati atau ginjal (buah pinggang) anda. Beritahu doktor.

Arimidex tidak disyorkan jika anda belum putus haid, dan tidak boleh diberikan kepada kanak-kanak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor:

- jika anda menggunakan *tamoxifen* atau ubat yang mengandungi estrogen (sejenis hormon seks wanita). Ubat itu boleh mengurangkan kesan Arimidex.
- jika anda sedang menggunakan atau baru-baru ini ada menggunakan ubat-ubat lain, walaupun yang tidak dipreskripsikan.

Harap maklum bahawa pernyataan ini juga merangkumi ubat-ubat yang digunakan beberapa lama dahulu.

Cara menggunakan Arimidex

- Berapa banyak harus digunakan dan bila perlu digunakan

- Ikuti arahan doktor tentang waktu dan cara memakan tablet ini.
- Dos biasa ialah satu tablet setiap sehari.
- Telan tablet ini bulat-bulat dengan air.
- Cuba makan tablet ini pada masa yang sama setiap hari.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan Arimidex seperti yang diarahkan oleh pakar kesihatan yang menjaga anda. Jangan berhenti memakannya tanpa berbincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

- Jika terlupa menggunakan

Makan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda ingat, asalkan dimakan sekurang-kurangnya 12 jam sebelum waktu dos yang seterusnya. Jika tinggal kurang daripada 12 jam sehingga dos yang seterusnya, jangan makan dos yang tertinggal itu.

- Jika menggunakan berlebihan (terlebi dos)

Jika anda termakan melebihi dos anda yang biasa, hubungi doktor atau pergi ke hospital yang terdekat.

Semasa menggunakan Arimidex

- Perkara yang perlu dilakukan

Arimidex penting dimakan setiap hari secara berterusan mengikut arahan doktor. Arahan pada label boleh mengingatkan anda tentang apa yang dipesan oleh doktor. Cuba makan tablet ini pada masa yang sama setiap hari.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti memakannya tanpa berbincang dengan pakar kesihatan anda dahulu.

Jika anda terlupa memakan satu dos, makan dos yang tertinggal itu sebaik sahaja anda ingat, asalkan dimakan sekurang-kurangnya 12 jam sebelum waktu dos yang berikutnya. Jika tinggal kurang daripada 12 jam sehingga dos yang seterusnya, jangan makan dos yang tertinggal itu.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Arimidex menurunkan aras hormon wanita dan ini boleh menyebabkan kehilangan kandungan mineral di dalam tulang yang boleh melemahkan tulang lalu meninggikan risiko berlakunya fraktur. Risiko yang mungkin meningkat ini harus ditangani menurut garis panduan rawatan tentang cara menjaga kesihatan tulang bagi wanita yang sudah putus haid. Wanita digalakkan berbincang dengan doktor tentang risiko yang boleh timbul ini dan pilihan rawatan yang ada.

Kehamilan

Arimidex tidak boleh digunakan jika anda hamil.

Menyusukan anak

Arimidex tidak boleh digunakan jika anda sedang menyusukan anak.

Memandu dan mengendalikan jentera

Tablet ini tidak dijangka akan menjejaskan keupayaan anda memandu kereta atau mengendalikan jentera. Walau bagaimanapun, sesetengah pesakit mungkin sekali-sekala berasa lemah atau mengantuk. Jika perkara begini berlaku pada anda, minta nasihat doktor.

Kesan-kesan sampingan

Sama seperti semua ubat lain, Arimidex boleh menimbulkan kesan sampingan.

Hubungi doktor dengan segera jika mana-mana perkara yang berikut berlaku terhadap anda, kerana anda mungkin perlu menjalani pemeriksaan atau rawatan selanjutnya:

- Tindak balas kulit yang sangat teruk (*Stevens-Johnson syndrome*) berserta *lesion*, *ulser* atau lepuh. Tindak balas kulit seumpama ini sangat jarang-jarang berlaku.
- Tindak balas alergi (alahan) seperti bengkak pada muka, bibir, lidah dan/atau tekak (*angioedema*) yang boleh menyukarkan pesakit menelan dan/atau bernafas.
- Radang hati. Antara gejalanya ialah rasa tidak sihat seluruh badan, berserta atau tanpa jaundis (kulit atau mata menjadi kuning), masalah hati atau bengkak pada hati.

Beritahu doktor jika mana-mana kesan sampingan yang berikut mengganggu anda:

- hangat memerah
- lemah badan
- sengal atau rasa kaku pada sendi
- radang sendi (*arthritis*)
- kesusutan tulang (*osteoporosis*)
- *carpal tunnel syndrome* (gelenyar, sakit, sejuk, lemah pada beberapa bahagian tangan)

- faraj kering
- rambut semakin jarang (gugur).
- loya
- cirit-birit
- sakit kepala
- pendarahan dari faraj (biasanya dalam masa beberapa minggu pertama selepas memulakan rawatan)
- anoreksia (hilang selera makan)
- muntah-muntah
- mengantuk
- kemurungan
- rasa geli, gelenyar atau kebas pada kulit, deria rasa hilang/berkurang
- ruam, termasuk radang salur darah kecil di dalam kulit yang mengakibatkan ruam kulit
- *trigger finger* (masalah jari atau ibu jari terpegun dalam keadaan bengkok)
- sakit tulang
- tindak balas alergi, seperti gegata atau miang
- sakit otot
- pertambahan kalsium berserta atau tanpa pertambahan hormon *parathyroid* di dalam darah. Jika anda berasa loya, muntah-muntah dan dahaga, anda harus beritahu doktor. Gejala ini boleh menandakan kemungkinan aras kalsium darah meningkat. Doktor mungkin perlu melakukan ujian darah yang tertentu untuk menentukan sama ada kalsium di dalam darah anda meningkat berserta atau tanpa pertambahan hormon *parathyroid*, iaitu sejenis hormon yang mengawal atur kandungan kalsium

Peningkatan aras kolesterol (sejenis lemak di dalam darah) mungkin berlaku apabila menggunakan Arimidex.

Perubahan pada hasil ujian darah yang menguji fungsi hati juga mungkin berlaku apabila menggunakan Arimidex.

Dalam sebuah percubaan klinikal yang dijalankan secara besar-besaran, kejadian penyakit jantung

yang disebabkan oleh aliran darah yang berkurang di dalam salur darah jantung (sakit jantung *ischaemia*) telah meningkat sedikit bilangannya. Penyakit ini boleh diperhatikan sebagai sakit dada.

Jangan terperanjat dengan senarai kejadian yang boleh berlaku ini. Anda mungkin tidak akan mengalami mana-mana daripadanya. Jika anda mengalami apa-apa kesan sampingan yang tidak disebutkan di dalam risalah ini, beritahu doktor atau ahli farmasi.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Arimidex

- Penyimpanan

- Jangan simpan pada suhu yang melebihi 30°C.
- Simpan tablet ini di dalam kartonnya yang asal.

- Pelupusan

- Jika doktor mengambil keputusan untuk menghentikan rawatan anda, buang tablet dengan cara yang betul.
- Jangan makan tablet ini selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada bekasnya. Buangkannya dengan cara yang betul.
- Simpan tablet ini di tempat yang selamat, jauh daripada pandangan dan capaian kanak-kanak. Tablet ini boleh memudaratkan mereka.
- Jangan buang ubat bersama-sama air sisa atau sampah dari rumah. Tanya ahli farmasi tentang cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah begini akan membantu memelihara alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Tablet Arimidex berwarna putih, dwicembung, bersalut, dan mengandungi 1 mg *anastrozole*. Sebelah permukaannya menunjukkan teraan logo manakala yang sebelah lagi menunjukkan tanda kekuatan tablet.

Tablet Arimidex disediakan di dalam pek yang mengandungi 28 tablet pada papan lepuh berisi 14 tablet setiap satu.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

Bahan aktif ialah *anastrozole*.

- Bahan tidak aktif

Bahan-bahan yang lain ialah *lactose monohydrate, povidone, sodium starch glycolate, magnesium stearate, hypromellose, macrogol 300* dan *titanium dioxide*.

- Nombor MAL:

MAL19987960ARZ

Pengilang

AstraZeneca Pharmaceuticals LP
Newark, Delaware,
19702 USA.

Pemegang Pendaftaran Produk

AstraZeneca Sdn. Bhd.
Level 11 & 12, The Bousteador,
No. 10, Jalan PJU 7/6,
Mutiara Damansara,
47800 Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

19/11/2024
VV-RIM-01451210
(berdasarkan PI: VV-RIM-
01372043)

Nombor Siri

NPRA (R1/5) 15112024/208